

3 lagi tuduhan tahun depan

INTIPATI
PEMBELAAN NAJIB

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Tiga pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan dana syarikat SRC International Sdn. Bhd. yang dihadapi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan mula dibicarakan 5 Julai tahun depan.

Hakim Mohamed Zaini Mazlan menetapkan tarikh tersebut pada pengurusan kes terbahit hari ini.

Mahkamah turut menetapkan 11 Ogos ini untuk pengurusan kes lanjutan.

Perbicaraan kes pengubahan wang haram RM27 juta itu sebelum ini tidak dapat dimulakan bagi memberi keutamaan pada kes-kes antaranya 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan pindaan laporan audit.

Najib didakwa atas pertuduhan tersebut pada 3 Februari 2019. Beliau mengaku tidak bersalah bagi ketiga-tiga pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, Ahli Parlimen Pekan itu didakwa melakukan pengubahan wang haram berjumlah RM27 juta yang digunakan untuk aktiviti tidak mengikut undang-undang yang didepositkan dalam tiga akaun AmPrivate Banking milik beliau.

Beliau didakwa melakukan perbuatan itu pada 8 Julai 2014



NASIB Najib Tun Razak dalam kes pecah amanah dan salah guna kuasa melibatkan SRC bakal diketahui hari ini.

di AmIslamic Bank Berhad, Bangunan Ambank Group, Jalan Raja Chulan di sini.

Pertuduhan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 4(1)

(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Seksyen tersebut memperun-

tukkan hukuman denda maksimum RM5 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

UM- 28/7/2020 m/s: 4

- » 'Rasa' wang dalam akaun bank mencukupi apabila mengeluarkan cek.
- » Percaya wang dalam akaun bank berakhir **880,898** dan **906** adalah sumbangan daripada kerabat diraja Arab.
- » Tidak pernah mempersoalkan dana yang dibayar ke dalam akaun sehingga menjadi isu.
- » Tidak tahu SRC International merancang untuk memohon pinjaman sebanyak **RM3.95 bilion** daripada Kumpulan Wang Persaraan (KWAP).
- » Hanya mengetahui mengenai transaksi wang berjumlah **AS\$100 bilion** apabila keterangan diambil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- » Hادiahkan seutas jam tangan bernilai **RM446,330.11** kepada Datin Seri Rosmah sebagai hadiah hari jadi.
- » Membelanjakan **RM127,017.46** di Shangri-La Bangkok, Thailand menggunakan kad kredit untuk percutian peribadi meliputi penginapannya dan kakitangan sokongan yang turut menyertai percutian.
- » Membeli barang kemas bernilai **RM3.28 juta** untuk dihadiahkan kepada isteri seorang kenamaan Timur Tengah.